

From: Sekretariat Media MBPJ/MBPJ
To: Media All MBPJ, Media News MBPJ, noel@themalaysianinsider.com
cc: Zainun Zakaria/MBPJ@MBPJ, Abdul Hakim Khairuddin/MBPJ@MBPJ, Nor Shalizawati Hj Baharudin/MBPJ@MBPJ, Ahmad Iskandar Mohamad Mukhtar/MBPJ@MBPJ, Hasbullah Juyahir/MBPJ@MBPJ, Mat Nizam Aziz/MBPJ@MBPJ

Date: Monday, November 23, 2015 12:00PM
Subject: KENYATAAN AKHBAR : PENUTUPAN JALAN YONG SHOOK LIN DAN JALAN TENGAH PUSAT BANDAR SEKSYEN 52 PETALING JAYA, SEMPENA PROGRAM PJ FAIR 2015.

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/Jld12 (46)

Tarikh: 23 November 2015

KENYATAAN AKHBAR

PENUTUPAN JALAN YONG SHOOK LIN DAN JALAN TENGAH PUSAT BANDAR SEKSYEN 52 PETALING JAYA, SEMPENA PROGRAM PJ FAIR 2015.

Dimaklumkan bahawa bersempena dengan penganjuran program **PJ Fair 2015 pada 28 dan 29 November 2015 (Sabtu dan Ahad)** beberapa **jalan utama di sekitar Seksyen 52, Pusat Bandar Petaling Jaya** akan di **TUTUP** sepenuhnya kepada semua kenderaan.

Pada **24 November 2015 (Selasa)** bermula pukul **12.00** tengah malam penutupan jalan hanya di lakukan di **Jalan Yong Shook Lin sahaja** bagi kerja-kerja persiapan dan **akan dibuka semula** untuk laluan kenderaan seperti biasa **pada pukul 6.00 pagi hari yang sama.**

Pada **pukul 3.00 petang 27 November 2015 (Jumaat)** pula, hanya **sebahagian Jalan Yong Shook Lin sahaja akan ditutup** kepada kenderaan. Manakala **pada pukul 5.00 petang 27 November 2015 (Jumaat) hingga 6.00 pagi 30 November 2015 (Isnin)** penutupan sepenuhnya akan dilakukan di kedua-dua jalan utama iaitu **Jalan Yong Shook Lin dan Jalan Tengah (bermula dari OUB Bank sehingga Restoran Hock Lim) Seksyen 52, Petaling Jaya.**

Sehubungan itu, **kawasan letak kereta di hadapan Dewan Sivik juga akan ditutup** kepada orang awam **bermula 27 hingga 29 November 2015 (Jumaat hingga Ahad).** Sepanjang penutupan jalan-jalan ini, orang ramai dinasihatkan agar mematuhi tanda arah serta arahan daripada petugas trafik yang bertugas bagi menjamin kelancaran lalu lintas.

Untuk maklumat dan keterangan lanjut, orang ramai boleh menghubungi urus setia program, Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ, ditalian 03-7956 3544 sambungan 370/364 dan Jabatan Penguatkuasa MBPJ ditalian 03- 7958 8085.

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya,
Tingkat 1, Ibu pejabat MBPJ,
Jalan Yong Shook Lin,
46675, Petaling Jaya.

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council,
twitter : pjcitycouncil, emel : media@mbpj.gov.my
Tel : 03-7956 3544 sambungan 203/208, Faks : 03-7958 2695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :
Pegawai Komunikasi Korporat MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-223 9604, zainun@mbpj.gov.my

